

23 NOV 1999

ORANG KUAT PBS SERTAI UMNO

PAPAR, 23 Nov (Bernama) -- Seorang daripada pengasas Parti Bersatu Sabah (PBS) pada 1985, Datuk Mark Koding hari ini meninggalkan parti itu untuk menyertai Umno.

Koding, timbalan ketua menteri pada zaman pemerintahan PBS, menyerahkan borang keanggotaan beliau kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada satu majlis ringkas di hadapan 2,000 penduduk sekitar daerah ini.

Dr Mahathir berada di sini kerana merasmikan pecah tanah pembinaan markas Batalion Ke-16 Briged Sabah Pasukan Gerakan Am.

Koding merupakan Presiden Angkatan Keadilan Rakyat Bersatu (Akar Bersatu), sebuah komponen Barisan Nasional (BN) Sabah sebelum meletakkan jawatan itu dan menyertai semula PBS pada Mac tahun lepas.

-- BERNAMA

JS RON